

# 'KIKIS sindrom penafian

BH 24 JUN 2001

## APA pandangan Tan Sri mengenai kedudukan Umno sekarang?

Susah saya nak komen oleh sebab barangkali suasana tidak membolehkan saya bercakap secara terbuka sangat, tetapi secara keseluruhan saya nampak jelas ada tanda-tanda di kalangan pemimpin Umno yang ingin membuat perubahan untuk menyesuaikan dengan kehendak semasa.

Ini adalah petanda baik sebab pada masa lepas saya sering mengingatkan bahawa Umno kalau tidak menyesuaikan diri dengan keadaan, ia akan menjadi satu parti yang tidak relevan kepada orang Melayu ataupun relevan dalam konteks keseluruhan, terutama sekiranya ia tidak lagi diterima oleh orang Melayu. Ini dapat dilihat pada keputusan pilihan raya lepas di mana perangkan menunjukkan banyak orang Melayu telah lari dan mereka yang lari daripada Umno masuk parti pembangkang bukan kerana cinta atau menerima ideologi parti pembangkang, cuma mereka bosan kepada suasana serta keadaan dalaman Umno itu sendiri.

Bagaimanapun, Umno telah mengambil beberapa usaha baik iaitu pertama, langkah-langkah nampaknya sedang dibuat di mana pemimpin-pemimpin dituntut supaya lebih berdamping dengan rakyat, khususnya rakyat di kampung di mana kebanyakan orang Melayu bertempat. Kedua, dari segi kredibiliti Umno. Langkah baru dengan penubuhan Lembaga Disiplin, di mana pemimpin Umno di peringkat bahagian diambil tindakan berasas kepada tuduhan politik yang nampaknya sungguh berkesan.

Ini pertama kali di dalam sejarah, Umno mengambil tindakan begitu tegas dan kredibiliti Umno nampaknya meningkat sedikit terutama apabila pemimpin di peringkat Majlis Tertinggi (MT) mengekalkan keputusan itu.

Itu dua petanda yang baik dan ketiga, nampaknya pemimpin-pemimpin semakin lama semakin ramai yang sedia berhadapan dengan kumpulan luar dan cuba mendapat maklum balas dengan cara berinteraksi. Saya tidak tahu setakat ini sama ada hasil interaksi itu positif tetapi pada pendapat saya selagi suasana itu diperbaiki, di mana mereka yang hendak diberi pendapat dilayan dengan serius, lagi baiklah. Ini adalah kerana maklum balas dalam pentadbiran sangat perlu.

## Apakah ada kesan negatif jika sesuatu parti itu terlalu lama memerintah.

Bahaya sesuatu parti yang berkuasa begitu lama atau pemimpin yang memegang jawatan begitu lama ialah semakin tinggi jawatan semakin kurang anggota masyarakat yang berani atau sudi memberi pendapat bertentangan.

Bagi saya pendapat yang bertentangan bukan berguna kerana ia menentang, tapi berguna untuk digunakan bagi memperbaiki diri. Kalau betul kita terima dengan tidak malu dan segan silu, kalau salah kita cuba berhujah. Jadi proses ini sangat baik dan sekiranya petanda ini dapat diteruskan dan diperkembangkan, maka apabila menghadapi pilihan raya akan datang penerimaan rakyat jelata sudah tentu lebih baik. Persoalan sama ada ia benar-benar berkesan atau tidak, bukan saya yang menentukan tetapi rakyat jelata.

Tetapi permulaannya ialah ahli Umno itu sendiri hendaklah menerima Umno sebagai parti yang lebih terbuka, yang lebih sedia menerima kritikan, sedia menerima maklum balas dan sedia menukarkan dirinya sendiri berasaskan maklum balas ini. Dan yang paling penting menerima hakikat salah kalau benar-benar didapati salah, tetapi kalau tidak salah mereka yang memberi pendapat itu tidak dijadikan mangsa sebaliknya dipalakkan kita (pemimpin)



memberi hujah yang berbeza dengan mereka. Umno perlu mengadakan lebih banyak perbincangan dan perdebatan dalaman.

Kalau ini dibenarkan, banyak orang muda dan orang baru akan berasa "ahh.. aku berpelajaran, mempunyai idea sendiri dan diberi peluang untuk memberi pendapat" dan Umno patut memberi kebebasan kepada mereka untuk menyampaikan pandangan.

## Walaupun Umno semakin jelas dalam melakukan proses pemulihan diri, tetapi penerimaan orang Melayu masih tidak begitu memberangsangkan?

Ini adalah kerana proses pemulihan ini masih belum habis, masih di peringkat permulaan dan mereka masih menunggu: "Betul ke ini atau main-main sahaja". Banyak perkara di dalam Umno dituntut terutama oleh ahli Umno yang kini lari daripadanya dan mereka sedang memerhati: "Betulke (semua perubahan ini) atau sekadar main-main sahaja atau simbolisme atau tokenisme sahaja". Mereka masih sinis hendak menerima kerana sudah berpuluh tahun kita memegang teraju kerajaan dan mereka menganggap kita tidak terlalu serius.

Dalam temu ramah saya terdahulu, saya sudah menyatakan soal yang Umno hadapi ini ialah soal kredibiliti iaitu apabila kita membuat sesuatu pengumuman atau hujah adakah kita 'credible' atau boleh diterima akal. Itulah sebab saya mengatakan banyak muda-mudi sering berhujah bahawa "The trouble with Umno is that when the leaders try to argue they seem to insult our intelligence" (Masalah dengan Umno ialah apabila pemimpin cuba berhujah mereka kelihatan seperti memperbodohkan kita). Perkara ini tersebar luas, bukan sahaja di kalangan orang muda tapi saya berjumpa seorang yang taat dengan Umno 200 peratus pada satu malam, alih-alih dia berkata perkara yang sama... dia menjerit di khalayak ramai kepada saya.

Jadi kepada saya, ini menunjukkan bagaimana soal kredibiliti harus diperbetulkan. Tetapi untuk diperbaiki kredibiliti, kita juga kena perbetulkan perkara yang kita ketahui iaitu sama ada salah laku atau salah pelaksanaan. Itu mesti kita terima dahulu, kalau kita boleh terima antara kita sesama sendiri barulah kita dapat memperbaiki (keyakinan rakyat).

Salah satu musuh terbesar bagi mereka yang berkuasa ialah apa yang saya sifatkan sebagai 'denial sindrom' (sindrom penafian) iaitu walaupun salah, dia kata tidak salah.

## Proses pemilihan peringkat bahagian baru-baru ini ramai yang mengharapkan ombak perubahan tetapi tidak begitu keputusannya?

Tidak. Saya nampak ada juga banyak perubahan di peringkat bahagian. Ini lebih baik daripada

SELEPAS lebih setengah abad memerintah, Umno terus menjadi tumpuan tetapi ketika ini perhatian adalah kepada pelbagai usaha memulihkan kewibawaannya sebagai parti terunggul Melayu negara ini.

Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam, adalah antara pemimpin yang turut memberi perhatian serius terhadap polemik yang menyelubungi parti itu sekarang. Kedudukannya sebagai tokoh veteran dan masih disebut-sebut sebagai antara pemimpin yang mampu untuk terus memberi sumbangan kepada pengukuhan jati diri parti itu, tanpa segan silu memberi pandangannya terhadap prestasi sebenar Umno masa kini.

Sempena Perhimpunan Agung Umno ke-55, ikuti bicara beliau bersama wartawan *Berita Minggu*, JAMHARIAH JAAFAR, mengenai pentingnya Umno kembali ke landasan asal iaitu perjuangan demi bangsa Melayu, agama dan negara. Bicara ini dilangsungkan sebelum perhimpunan ke-55 Umno yang selesai semalam.

da masa dulu di mana jawatan tidak digalakkan bertanding atau barang siapa bertanding dikesan dan dianggap sebagai orang yang memecah-belahkan parti. Jadi kepada saya ada satu kemajuan di sini, corak pemikiran sudah berubah. Yang dulu dikesan jika bertanding sekarang diterima, bukan saja diterima tetapi pertandingan juga berjalan dengan agak baik dan teratur. Oleh sebab kita sudah terlalu lama mengambil sikap negatif kepada pertandingan di peringkat bahagian dan pucuk pimpinan, sekarang kita baru sahaja membuka pertandingan kepada sesiapa. Ini sebenarnya bukan satu budaya politik yang baru, yang lama tetapi diamalkan semula. Ini satu petanda positif yang saya harap hujah mengatakan ia memecah-belahkan parti akan dapat diperbaiki.

Ketika saya jadi Timbalan Perdana Menteri, saya sering mengatakan ini bukan si polan lawan si polan, bukan lawan, perkataan pertandingan saya pun tidak suka, tapi ini proses menawarkan diri untuk berkhidmat. Kalau dapat ditukarkan corak pemikiran kepada aliran itu, insya-Allah saya fikir, mereka yang tidak diterima dalam proses penawaran diri itu akan diterima balik dan masih menjalankan tanggungjawab mereka sebagai anggota parti.

## Apa nasihat Tan Sri kerana perpecahan yang berlaku lebih jelas di kalangan sesama bangsa Melayu?

Kepada saya, tidak ada perpecahan orang Melayu. Pada saya, orang Melayu tidak berpecah. Apa yang berlaku sekarang ialah orang Melayu ada 'political divide' (pembahagian politik). Kalau ada cabaran sesuatu isu kemelakuan, orang Melayu akan bersatu kembali.

Tetapi yang menjadi masalah, kalau dulunya di kalangan rakyat Malaysia berketurunan Melayu, 80 peratus menyokong Umno, sekarang boleh jadi parti Pas dan Keadilan dapat lebih 50 peratus dan ini yang dikatakan Melayu berpecah.

Ada orang kata apa yang perlu kita lakukan sekarang (mengenai Umno)... saya kata senang saja tukarkan Umno balik kepada perjuangan asal dan pastikan ia lebih liberal. Beri peluang kepada orang baru, muka baru serta beri peluang mereka memberi pendapat dan menawarkan diri.

## Perlukah Umno mengambil pemimpin muda sebagai pelapis untuk mengembalikan kewibawaan parti?

Saya sudah bercakap terus terang dengan pucuk pimpinan, apabila kita mengambil orang baru janganlah ambil orang 60 tahun lebih sahaja, majoritinya kita kena ambil antara 30 hingga 40 tahun. Apa salah mereka yang berumur demikian kita ambil sebagai menteri atau neang jawatan bertanggungjawab. Ada pula

# dalam Umno'

memprovokasi pemikiran, mereka akan mati terutama kepada mereka yang tidak suka berfikir.

## **Apa pandangan Tan Sri mengenai ramai ahli serta pemimpin yang bagai 'burung kakak tua'?**

Bukan semua, tetapi kebanyakannya. Sebenarnya tiap-tiap kali saya jumpa ahli Umno, ahli biasa atau pemimpin dan masih ramai yang datang berjumpa saya, rata-rata memberi pandangan yang boleh dikatakan sama iaitu membuat kritikan secara terbuka. Tetapi yang menjadi masalah apabila berhadapan dengan yang berkuasa, mereka segan banyak. Salah mereka sebenarnya terutama yang menggunakan alasan 'tak boleh cakap nanti kena'. Apabila takut kena itu adalah masalah diri sendiri, bukan masalah pemimpin. Kalau tanya Dr Mahathir, beliau akan kata tak kisah... dia lagi cuba hendak jolok tetapi orang tak mahu bercakap.

## **Mengenai kemelut politik wang yang melanda parti sekarang, apa yang Tan Sri nampak?**

Saya sendiri pernah membangkitkan perkara ini sejak 1980-an lagi. Dalam salah satu ucapan terakhir saya iaitu di Perhimpunan Pemuda Umno, saya membangkitkan perkara politik dan perniagaan yang telah bercampur aduk. Baru-baru ini Perdana Menteri bercakap perkara yang sama. Jadi masih tidak ada perubahan. Tetapi pada saya, sebagai realiti kita tidak boleh menolak hakikat kepentingan untuk membanteras gejala ini kerana pergolakan dalam parti sekarang menggambarkan bagaimana politik wang begitu ketara.

Sebagai parti yang memegang teraju kerajaan begitu lama, inilah hasilnya dan ia sukar untuk disekat sepenuhnya. Tetapi apa yang menjadi cabaran ialah bagaimana politik dan rasuah dapat dibanteras atau sekurang-kurangnya dapat diminimumkan dan dikawal. Seperti barah ia mungkin tidak ada penawar tetapi masih ada usaha untuk mencegahnya.

## **Bagaimana penilaian Tan Sri antara pemimpin sekarang yang sering dilihat seperti mengharapkan sesuatu untuk diri sendiri, berbanding pemimpin masa lampau yang benar-benar berjuang demi bangsa Melayu?**

Ada beza antara pemimpin dan mereka yang masuk Umno. Mengenai pemimpin itu saya tidak tahu, tetapi Umno mesti ingat bahawa ia adalah parti Melayu, parti yang memperjuangkan kepentingan Melayu sebagai keutamaan. Yang lain hanya sampingan. Hakikatnya ialah kepentingan Melayu mesti dapat diawasi dipertingkatkan dan diperbaiki, hanya melalui itu kestabilan negara akan dapat dicapai... ini perjuangan kita.

Saya sering menyatakan bahawa Umno sebenarnya Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu... ia adalah kepunyaan Melayu. Kalau kita ingat itu barulah tiap-tiap aktiviti, pemikiran dan strategi kita adalah untuk bangsa Melayu. Tetapi bukan Melayu sempit, bukan Melayu ekstremis. Umno tidak pernah menjadi parti Melayu yang sempit dan ekstremis. Penerimaan Umno di kalangan masyarakat umum bukan kerana kita parti Melayu yang sempit dan ekstremis tetapi parti Melayu yang 'moderate', yang menerima negara ini sebagai negara berbilang keturunan dan agama, di mana pendirian kita mengenai agama dan masyarakat adalah sederhana dan tidak ekstremis.

Ini harus diteruskan tetapi pada masa yang sama semangat kemelayuan tidak harus dilupakan, jangan sekali-kali dilupakan... kalau dilupakan maka hanyutlah Umno

orang kata golongan ini tidak berpengalaman. Tetapi kata saya, kita ketika pegang jawatan dulu pun, masih muda. Tun Razak dan (Datuk Seri) Dr Mahathir (Mohamad) pun ketika mula memegang jawatan sering berkata "I'm one of the oldest of the young turks", tetapi ketika itu mereka masih muda lagi.

Bukan saya hendak memperkecilkan orang tua, tetapi saya fikir kita memerlukan suntikan darah muda. Pada sayalah, pemimpin berusia antara 30 hingga 40 tahun mesti ramai. Kalau pada saya, dua pertiga daripada pemimpin sekarang mesti antara 30 hingga 40 tahun, jangan majoritinya dikuasai golongan 60-an. Dengan cara itu bukan saja kita dapat idea baru tapi juga akan beri inspirasi kepada orang muda lain, daya penarik.. "Ohh Umno ada ruang untuk kita mainkan peranan". Itulah yang perlu dibuat.

Kalau kita buat ini semua dan kita liberal, kita perbaiki, ambil tindakan berhubung dengan rasuah dan penggunaan kronisme, nepotisme (Umno boleh diterima semula dengan baik).

Saya berani menyatakan ini, suka tidak suka, sama ada kita mengecam mereka yang menggunakan perkataan ini, hakikatnya ialah kita ke mana-mana pun atau di mana-mana juga orang bercakap, ini adalah perkara yang dibangkitkan. Kita tidak boleh nafikan atau terus berada dalam keadaan 'denial syndrome'.

Cuba kita lihat betul-betul dan teliti... cuba beri peluang mereka hurai, bukan parti pembangkang tetapi golongan muda. Adakan dialog dengan tidak segan silu dan kita hurai, bahas. Kalau kita tahu kita ada salah, perbetulkan diri. Dengan itu apa yang kita katakan sebagai perpecahan Melayu ini dapat diatasi dan orang Melayu sudah pasti akan balik kepada Umno.

## **Maknanya Umno perlu bersifat sungguh liberal untuk mempraktikkan keadaan itu?**

Bukan terlalu liberal tapi liberal yang munasabah (*reasonably*). Saya tidak percaya dengan kebebasan mutlak. Kebebasan mesti hadir dengan disiplin dan tanggungjawab. Saya hendak melencong sedikit. Orang bercakap pasal Indonesia. Sejak tidak ada Suharto, orang berkata sudah ada demokrasi dan hari-hari orang bergaduh dan cetuskan keganasan. Saya terus terang dengan tidak segan silu ingin nyatakan dan saya harap ia tidak menyentuh pemikiran orang Indonesia, bahawa itu bukan demokrasi tetapi itu dalam tahap anarki... demokrasi tanpa kepemimpinan yang tegas.

Anda ada demokrasi, ada undang-undang, ada peraturan... dan kita juga boleh liberal tetapi mengikut adat orang Melayu. Dulu saya sarankan orang Melayu kurang ajar sedikit, tetapi ia hanya konsep supaya orang Melayu berani mempersoal atau berani memprovokasi pemikiran disebabkan manusia ini kalau tidak